



Kepada
Semua Pegawai Daerah
Negeri Selangor Darul Ehsan

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 7 TAHUN 2009

PINDAAN KEPADA PARA 5 (V) SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 2 TAHUN 2008

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk membuat pindaan kepada para 5, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2008 mengenai program dan aktiviti mesra rakyat.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 10/2009 yang diadakan pada 1 April 2009 telah meluluskan cadangan

penambahbaikan Tatacara Penggunaan Peruntukan ADUN seperti berikut:-

- i. Had bagi mengadakan program dan aktiviti mesra rakyat dinaikkan daripada **RM10,000.00** kepada **RM20,000.00** bagi setiap program; dan
- ii. Aktiviti menceriakan kawasan sempena sambutan musim perayaan dimasukkan sebagai salah satu aktiviti daripada aktiviti di dalam program mesra rakyat.

3. PINDAAN

- 3.1 Bagi melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Surat Pekeliling Perbendaharaan ini meminda para 5, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2008 seperti berikut:-

Program dan aktiviti mesra rakyat tidak melebihi RM20,000.00 bagi setiap program

Program mesra rakyat seperti program turun padang, sesi dialog bersama rakyat, ziarah, program belia dan sosial, program menceriakan kawasan sempena musim perayaan serta program-program kemasyarakatan yang dapat mengeratkan hubungan antara wakil rakyat dan penduduk.

4. TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Arahan ini berkuat kuasa serta-merta dan Surat Pekeliling Perbendaharaan ini hendaklah dibaca bersama dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan serta tertakluk kepada peraturan kewangan dan peraturan kerajaan yang berkuat kuasa.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,

(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri

Selangor Darul Ehsan

Tarikh : Jun 2009

Filename: SPP BIL. 7 TAHUN 2009.docx
Directory: C:\Documents and Settings\Administrator\My Documents\pekeliling
Template: C:\Documents and Settings\Administrator\Application
Data\Microsoft\Templates\Normal.dotm
Title:
Subject:
Author: m hafez
Keywords:
Comments:
Creation Date: 5/4/2009 12:37:00 PM
Change Number: 14
Last Saved On: 7/9/2009 11:32:00 AM
Last Saved By: m hafez
Total Editing Time: 1,206 Minutes
Last Printed On: 7/14/2009 5:13:00 PM
As of Last Complete Printing
Number of Pages: 3
Number of Words: 270 (approx.)
Number of Characters: 1,543 (approx.)